



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**PELANTIKAN AHLI MAJLIS MARA, PENGERUSI, JAWATANKUASA
PENASIHAT MARA CORP. DAN PENGERUSI GIAT MARA**

08 MEI 2020

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) hari ini mengumumkan pelantikan tujuh (7) orang Ahli Majlis MARA yang baharu. MARA merupakan salah sebuah agensi di bawah KPLB dan sebelum ini telahpun mengumumkan pelantikan YB Datuk Hajah Azizah Mohd Dun, Ahli Parlimen Beaufort sebagai Pengurus MARA pada 1 Mei 2020 yang lalu.

Senarai tujuh (7) orang Ahli Majlis MARA yang berkuat kuasa pada 15 Mei 2020 ini adalah seperti berikut:

1. Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha
2. Datuk Siti Zauyah binti Md Desa
3. Dato' Mohamed Farid bin Mohamed Zawawi
4. Dato' Jamelah binti Jamaluddin
5. Hj. Zainal Abidin bin Kidam
6. YB Datuk Sr. Hj. Md Alwi bin Haji Che Ahmad
7. Datuk Nor Azri bin Zulfakar

Pihak kementerian yakin kesemua Ahli Majlis MARA yang dilantik mempunyai ketokohan, keupayaan, kepakaran dan pengalaman yang luas serta menjiwai semangat perjuangan MARA dalam membangunkan Bumiputera.

Selain Ahli Majlis MARA, KPLB juga mengumumkan pelantikan Pengerusi MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corp.) iaitu Datuk Dr. Syed Muhamad bin Syed Kadir. MARA Corp. yang mula beroperasi pada tahun 2016 memainkan peranan melalui subsidiari di bawahnya untuk terlibat secara aktif dalam sektor kritikal ekonomi seperti aeroangkasa, pendidikan, perkhidmatan kewangan, harta tanah, pengangkutan dan peruncitan.

Dalam memastikan MARA Corp. berperanan sebagaimana yang dihasratkan, sebuah Jawatankuasa Penasihat ditubuhkan dengan YB Dr. Maszlee bin Malik dilantik sebagai pengerusi. Jawatankuasa ini berperanan dalam membantu memperkuuhkan struktur tadbir urus korporat di samping memantau program rasionalisasi MARA Corp. dengan lebih teliti. Jawatankuasa ini dianggotai oleh empat (4) ahli iaitu;

1. YB Datuk Mohd Rafiq bin Naizamohideen
2. Dato' Ab Rakib bin Ahmad
3. Dato' Ahri bin Hashim
4. Dr. Shahridan bin Faiez

Kementerian juga sedang mengenalpasti individu yang berpengalaman luas dalam bidang korporat dan berintegriti untuk menerajui MARA Corp. melalui iklan kosong jawatan Ketua Pegawai Eksekutif MARA Corp. yang akan dikeluarkan pada waktu terdekat.

Sementara itu, Dato' Abdul Halim bin Mansor pula dilantik sebagai Pengerusi GIATMARA.

Melalui pelantikan dan pendekatan baharu ini, kementerian yakin MARA akan terus dipacu dengan membawa aspirasi dan agenda perjuangan membangunkan sosioekonomi Bumiputera dalam memastikan tiga sektor utama MARA meliputi keusahawanan, pendidikan dan pelaburan akan digerakkan secara seimbang dan menjadi teras strategik dalam membawa agenda Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

Tahniah di atas pelantikan ini dan diharap dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kemajuan Agensi pada masa akan datang.

**YB Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad
Menteri Pembangunan Luar Bandar
Putrajaya.
08 MEI 2020**

*Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367 Emel: ukk@rurallink.gov.my*